

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria dan merit seseorang yang dilantik ke LPU universiti-universiti awam (UA), dan apakah ahli-ahli LPU di UA-UA yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021 menepati kriteria-kriteria tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam proses pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), kuasa Menteri Pengajian Tinggi adalah berdasarkan Peraturan 14(1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) yang memperuntukkan “Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula”. Manakala Seksyen 13(1) Akta 30 pula menetapkan komposisi keahlian LPU hendaklah mewakili kelompok tertentu yang dapat membantu Lembaga melaksanakan fungsi dengan berkesan. Justeru, selain wakil-wakil Perkhidmatan Awam yang terdiri daripada pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang bertindak sebagai pemegang taruh utama Universiti Awam, pelantikan Ahli LPU perlu menepati komposisi yang termaktub di bawah Akta 30 iaitu:

i) Pengerusi LPU

Calon mempamerkan daya kepimpinan dan keupayaan pengurusan yang cemerlang, mempunyai keperibadian unggul, dihormati oleh masyarakat, mempunyai tahap integriti serta akauntabiliti yang tinggi dan telah memberikan banyak sumbangan kepada negara.

ii) Wakil Masyarakat Setempat

Calon dilantik dalam kalangan pemimpin masyarakat setempat atau berasal dari negeri lokasi UA berkenaan. Calon haruslah seorang yang dihormati oleh masyarakat setempat dan berupaya membantu pihak universiti melaksana aktiviti kemasyarakatan serta membawa isu masyarakat untuk diselesaikan oleh pakar-pakar di universiti.

iii) Wakil Senat

Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam Peraturan 17(d) Jadual Pertama Akta 30. Peraturan 17(d) merujuk kepada sebahagian daripada keanggotaan Senat yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua puluh orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan professor madya Universiti. Kaedah pemilihan wakil Senat dalam LPU kebiasaannya melalui proses undian dalam kalangan Ahli Senat dan calon yang terpilih akan dipertimbangkan oleh YB Menteri untuk pelantikan.

iv) Wakil Sektor Swasta

Calon berpengalaman luas dalam selok-belok tadbir urus organisasi, mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang bersesuaian dengan bidang tujahan universiti yang diwakili, mampu menyuntik perspektif baru dalam kepimpinan organisasi dan pengumpulan dana serta berupaya memperkukuhkan jaringan dengan pihak industri dan membantu menerapkan amalan tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governance*) dalam pentadbiran universiti.

v) Wakil Alumni

Calon adalah seorang tokoh yang boleh menjadi contoh ikutan kepada warga universiti khususnya para pelajar dan mampu menggerakkan usaha dalam pengumpulan dana universiti melalui jaringan perhubungan dengan alumni. Selain itu, calon mempunyai keupayaan menggalakkan dan menyatukan alumni supaya menyumbang kembali dalam apa jua bentuk kepada pihak universiti.

vi) Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman

Calon dilantik berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu yang bersesuaian dengan bidang tujuan universiti. Calon boleh terdiri daripada kalangan pegawai universiti berkecuali, bekas pegawai tinggi Kerajaan dan individu lain yang pada pendapat Menteri dapat membantu LPU dalam pengurusan universiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi juga telah menghasilkan *University Transformation Program (UniTP) Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Buku Hijau ini antara lainya turut menyentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU, pencalonan Ahli LPU, peningkatan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu.

Dalam hal ini, saya mengesahkan bahawa ahli-ahli LPU yang telah dilantik dari Mac 2020 sehingga 25 Oktober 2021 adalah sebagaimana komposisi yang telah ditetapkan di bawah Akta 30 dan turut mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Buku Hijau. Kepelbagaian latar belakang profesional dan pengalaman ahli LPU yang dilantik di sesebuah universiti juga turut diambil kira sebelum sebarang pelantikan dimuktamadkan. Sekian, terima kasih.